

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sepanjang tempoh 5 tahun kebelakangan ini, berapa jumlah peningkatan pelajar sekolah rendah dan menengah yang terlibat dengan kegiatan penagihan dadah. Adakah bilangan semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius perkara berkaitan penglibatan murid dengan kegiatan penagihan dadah. Sehubungan itu, KPM sentiasa berkerjasama rapat dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengenal pasti murid yang terlibat dengan gejala dadah. Antaranya, melalui Program Ujian Saringan Urin AADK di peringkat sekolah menengah dengan pemilihan murid secara rawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang direkodkan dalam program ujian urin AADK dari tahun 2016 hingga September 2020, terdapat trend penurunan bilangan murid sekolah menengah yang positif ujian urin dan dikategorikan mencuba dadah. Pada tahun 2016, sebanyak 3.8 peratus atau 1,506 daripada 39,647 orang murid yang telah disaring adalah didapati positif dadah. Namun,

NO. SOALAN : 42

peratusan ini telah menurun kepada 2.9 peratus atau 1,243 daripada 42,865 orang murid yang telah disaring pada tahun 2019. Bagi tahun ini pula, iaitu sehingga September 2020, didapati 2.9 peratus atau 422 daripada 14,563 orang murid sekolah menengah yang disaring adalah positif dadah.

KPM akan terus berkerjasama dengan semua pihak untuk melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah dan program intervensi yang bersesuaian bagi murid yang terlibat. KPM amat menghargai peranan ibu bapa dan masyarakat dalam usaha mewujudkan persekitaran sekolah bebas daripada dadah.

Sekian, terima kasih.